

**"Harap saudara sihat" mesej Datuk Seri Najib kepada Lee Hsien Loong**  
**Astro Awani**  
**Ogos 22, 2016**

**KUALA LUMPUR:** "Saya mendapat berita saudara kurang sihat. Saya berharap saudara tidak apa-apa. Semoga segera pulih."

Itu kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kepada Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong melalui akaun Twitter lewat malam tadi.

"Terima kasih atas doa saudara. Doktor beritahu saya, saya OK," jawab Lee sekitar pukul 2 pagi.

Lee tiba-tiba [kurang sihat semasa berucap](#) pada Perhimpunan Hari Kebangsaan negara ini kira-kira pukul 9.40 malam tadi.

Lee, 64, dijadual menamatkan ucapannya dalam Bahasa Inggeris pada pukul 10 malam selepas menyampaikan ucapan dalam versi Bahasa Melayu dan Mandarin pada pukul 6.45 petang.

Lee dapat menyambung ucapannya selepas berehat hampir satu jam dan menamatkannya kira-kira 15 minit kemudian.

Sebaik selepas menyampaikan ucapannya, Lee berangkat ke Hospital Besar Singapura untuk pemeriksaan.

Dalam ucapan Hari Kebangsaannya, Lee menyentuh mengenai [hubungan Singapura dengan Malaysia dan Indonesia](#).

Lee menyifatkan kedua-dua negara sebagai dua rakan Singapura yang paling penting.

Bulan lepas, Lee berkata beliau berada di Putrajaya, Malaysia untuk menyaksikan penandatanganan memorandum persefahaman projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi antara Malaysia dan Singapura.

"PM Najib meraikan kami dengan jamuan tengah hari. Durian yang dihidang memang baik, tetapi Kereta api Berkelajuan Tinggi itu lebih baik..." katanya ketika skrin besar di belakangnya menunjukkan gambar beliau dengan Najib.

Tag: [Najib Tun Razak](#), [Lee Hsien Loong](#), [Perhimpunan Hari Kebangsaan](#), [Singapura](#), [Kereta Api Berkelajuan Tinggi](#), [Malaysia dan Singapura](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/harap-saudara-sihat-mesej-datuk-seri-najib-kepada-lee-hsien-loong-114730>